

26/10/2003

Dr M tetap jadi tarikan

SEORANG wartawan (siapa lagi kalau bukan dari media Barat) terdengar memberitahu seorang rakan pada hari terakhir Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Bangkok, Selasa lalu, betapa dia sudah muak

untuk mendengar celoteh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Namun, sejurus sebelum sidang akhbar Perdana Menteri pada petang itu, kelibat wartawan terbabit bukan saja turut kelihatan di kalangan puluhan yang hadir, malah tidak ketinggalan untuk bertanyakan soalan.

Karisma, kepetahan dan barangkali apa yang paling dibenci media Barat, iaitu keberanian Dr Mahathir dalam berkata-kata, memaksa wartawan itu menelan egonya. Demikian juga kelompok wartawan sealiran dengannya yang tidak mahu melepaskan kesempatan untuk bertentang mata dengan seorang negarawan yang rata-rata diiktiraf mereka sebagai pemimpin Dunia Ketiga.

Sama ada mereka menyukainya atau mencemuhnya, ramai yang bersependapat bahawa keadaannya tidak akan sama tanpa kehadiran Perdana Menteri untuk bertikam lidah dengan mereka. Apatah lagi Dr Mahathir dikenali sebagai pemimpin yang tidak akan memulaukan wartawan media Barat, sama ada beliau

menyukai atau mencemuh mereka.

Perdana Menteri turut ditanya ketika duduk semeja buat seketika dengan wartawan tempatan pada satu majlis makan malam anjuran Kedutaan Malaysia di Bangkok, Isnin lalu, sama ada beliau berpuas hati dengan sumbangan media tempatan sepanjang 22 tahun memimpin negara.

Ketika jawapan penuh berdiplomasi dijangkakan daripadanya, Dr Mahathir sebaliknya berterus-terang dengan menyatakan ada ketikanya kandungan ucapannya tidak dilaporkan sebagaimana diharapkannya. Maksud daripada jawapan Perdana Menteri boleh difahami sebagai perlunya interpretasi dibuat daripada memetik ucapannya bulat-bulat.

Dalam pada itu, Perdana Menteri tidak lokek untuk menyatakan bahawa jika dibandingkan dengan media Barat yang sudah terlalu kerap memutarbelitkan ucapan dan ulasannya (terbaru petikan ucapannya mengenai Yahudi dalam Sidang Kemuncak OIC disensasikan), media tempatan diakuinya bersikap lebih

baik hati terhadapnya.

Persaraan pada akhir bulan ini jauh daripada bermakna kelantangan Dr Mahathir akan ditenggelami. Sebagaimana kerap diulanginya akhir-akhir ini, umum boleh menjangkakan pidatonya akan lebih berbisa dan berapi-api selepas ini.

Perdana Menteri juga berseloroh bahawa Jepun boleh menjadi rumah keduanya selepas bersara berdasarkan undangan hampir saban minggu yang diterimanya sama ada untuk berucap atau berceramah di pelbagai majlis di Negara Matahari Terbit itu.

Sama ada Dr Mahathir dipuja atau dicela, kelibatnya akan menjadi penyeri atau menghantui buat beberapa ketika lagi.